Smart Hijrah
Pelan Takaful




Encik Ahmad berumur 30 tahun dan telah berkahwin. Beliau menyertai pelan Smart Hijrah untuk mendapatkan perlindungan takaful dan menabung untuk perbelanjaan urusan ibadah agama yang dituntut sebagai seorang Muslim. Dengan itu, beliau akan mendapat elaun tunai, bayaran tunai tahunan, dan sejumlah amaun sekaligus apabila pelan ini matang. Beliau memilih untuk membuat bayaran selama 5 tahun untuk jumlah perlindungan sebanyak RM17,000 sehingga umur 50 tahun (tempoh perlindungan 20 tahun). **Setiap tahun beliau akan menyumbang RM9,958.60 untuk pelan ini dan akan membayar sejumlah RM49,793.00 dalam 5 tahun.**

**Elaun Umrah RM850 + Bayaran tunai RM5,440[1]**



## Umrah

Beliau bercadang untuk menunaikan Umrah pada usia 35 tahun dengan menggunakan bayaran tunai tahunan dan elaun Umrah.

**Kadar Pulangan Tahunan 1.17%[3]**

Beliau akan menerima nilai matang pada usia 50 tahun.









**Elaun Qurban RM850**

## Qurban

Pada permulaan tahun ke-3 sijil, beliau akan menerima 5% daripada Jumlah Yang Dilindungi untuk menunaikan ibadah Qurban untuk anaknya.



**Elaun Haji RM1,700 + Bayaran tunai RM25,160[2]**

## Hajj

Beliau bercadang untuk menunaikan ibadah Haji pada usia 49 tahun menggunakan bayaran tunai tahunan dan elaun Haji.

**Nota:**

[1] Bayaran tunai terkumpul dari penghujung tahun sijil ke-2 sehingga ke-5.
[2] Bayaran tunai terkumpul dari penghujung tahun sijil ke-6 sehingga ke-19.
[3] Kadar Pulangan Tahunan adalah tidak dijamin.

Sumbangan yang anda bayar menyumbang kepada kedua-dua elemen simpanan dan perlindungan produk, contohnya manfaat kematian. Jika anda sedang mencari produk kewangan dengan unsur simpanan, anda mungkin ingin menbandingkan pulangan tahunan produk ini dengan pulangan efektif alternatif-alternatif pelaburan yang lain.

**Imbas kod QR ini untuk melihat video.**

Diunderait oleh:

etiqa Takaful Keluarga

PERBANKAN ISLAM

Maybank Islamic | Maybank



## ANDA BAKAL MELALUI SEBUAH PERJALANAN YANG PENUH MAKNA.

Melaksanakan ibadah Haji adalah rukun Islam yang kelima dan terakhir bagi setiap umat Islam. Smart Hijrah adalah satu pelan takaful keluarga yang direka khas bagi melengkapkan persediaan anda untuk memenuhi tuntuan agama seperti Haji, Umrah, Qurban dan Aqiqah.

## MANFAAT UTAMA*

### Tinggalkan legasi kepada insan yang tersayang dengan Hibah

Sekiranya berlaku kematian, manfaat pelan ini akan diagihkan kepada penama-penama yang telah dipilih. Hibah tidak akan menjadi sebahagian daripada harta pusaka yang tertakluk kepada Fara'id.

### Bayaran tunai tahunan tetap

Bayaran tunai akan dibuat setiap tahun bermula dari penghujung tahun ke-2 sijil sehingga sijil matang.

| Penghujung Tahun Sijil | Bayaran Manfaat |
|---|---|
| ke-2 sehingga ke-10 | 8% daripada Jumlah Yang Dilindungi |
| ke-11 dan seterusnya | 12% daripada Jumlah Yang Dilindungi |

### Elaun tunai untuk perjalanan anda

Anda akan menerima elaun sebanyak 10% daripada Jumlah Yang Dilindungi untuk Haji dan 5% daripada Jumlah Yang Dilindungi untuk Umrah pada penghujung tahun ke-3 sijil dan seterusnya.

### Laksanakan ibadah Qurban atau Aqiqah

Anda akan menerima satu kali bayaran sebanyak 5% daripada Jumlah Yang Dilindungi bagi menyempurnakan ibadah Qurban atau Aqiqah pada penghujung tahun ke-2 sijil.

### Manfaat Badal Haji (Upah Haji)

Sekiranya berlaku kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK), 10% daripada Jumlah Yang Dilindungi akan dibayar untuk melaksanakan Badak Haji bagi pihak orang yang Dilindungi.

### Manfaat kematian dan HUMK

Sekiranya berlaku kematian atau HUMK, jumlah manfaat yang akan dibayar adalah seperti berikut:

| Situasi | Bayaran Manfaat | |
|---|---|---|
| Kematian atau HUMK[1] semulajadi | 100% | daripada Jumlah Yang Dilindungi atau daripada Jumlah Sumbangan yang diterima tolak sebarang bayaran tunai (mana-mana yang lebih tinggi) |
| Kematian atau HUMK[1] akibat kemalangan[3] | 200% | |
| Kematian atau HUMK[1] akibat kemalangan[3] semasa mengerjakan Haji atau Umrah | 300% | |
| | + Jumlah di dalam DPP[2] | |

### Jaminan Penerimaan

Pemeriksaan perubatan tidak diperlukan bagi Jumlah Yang Dilindungi sebanyak RM250,000 dan ke bawah.

Tertakluk pada terma-terma dan syarat-syarat.

**Nota:**

[1] Jumlah bayaran manfaat HUMK adalah terhad kepada RM2 juta untuk kesemua sijil yang dikeluarkan oleh kami.

[2] DPP merujuk kepada Dana Pelaburan Peserta.

[3] Kematian atau HUMK akibat kemalangan yang berlaku sebelum orang yang dilindungi menyambut hari jadi ke-69.

### Berhubung dengan Wakil Jualan Kami sekarang!

Hubungi **1300 88 6688**, kunjungi mana-mana **cawangan Maybank** atau layari **www.maybank2u.com.my** untuk maklumat lanjut, terma-terma dan syarat-syarat.

Pelan ini diunderait oleh Etiqa Family Takaful Berhad (199301011506), sebuah subsidiari Malayan Banking Berhad (196001000142). Etiqa Family Takaful Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Etiqa Family Takaful Berhad beralamat di Dataran Maybank, No.1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur. Pelan ini diedarkan oleh Malayan Banking Berhad dan ibu pejabat terletak di Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.

V1/23/SH/BNMG